

10/05/2005

MAHATHIR-PERSYARIKATAN

RAKYAT M'SIA TIDAK PERLU MALU DENGAN KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA

Oleh: Siti Hawa Othman

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Tun Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat Malaysia tidak perlu malu dengan konsep Persyarikatan Malaysia memandangkan hubungan sektor kerajaan-swasta bukan suatu yang baru ataupun terhad kepada Malaysia sahaja.

Bekas Perdana Menteri itu berkata banyak rakyat Malaysia malu menggunakan konsep itu setelah mereka percaya ia akan menghasilkan kronisme, apabila banyak pembangunan pantas negara dihasilkan melalui konsep itu.

"Adakah anda rasa rendah diri atau anda menerima pilih kasih yang negara kaya dan berkuasa melakukannya sebagai suatu yang sah dan betul tetapi jika negara miskin berbuat demikian, ianya salah," soal beliau.

Dr Mahathir berkata demikian semasa berucap mengenai "Malaysia Incorporated - Revisited" pada Persidangan CFO (Ketua Pegawai Kewangan) 2005 di sini hari ini.

"Kerjasama kerajaan/sektor swasta bukan suatu yang baru seperti yang digambarkan media etnik Eropah apabila mengkritik Persyarikatan Jepun dan kemudiannya Korea Selatan dan Malaysia atas perbuatan yang dianggap tidak baik ini," kata beliau.

Negara Eropah etnik yang berkuasa sentiasa mengamalkan konsep ini dan kerjasama mereka termasuk penggunaan kuasa dan penaklukan tentera bagi memastikan kejayaan ahli perniagaan mereka.

Sebagai contoh daripada sejarah, syarikat Hindia Timur atau syarikat Asia Timur mendapat sokongan kukuh daripada kerajaan mereka.

Bagaimanapun, apabila rakyat Eropah mencari laluan laut ke Timur, niat mereka bukan untuk penerokaan tetapi atas dasar perdagangan dan mereka datang dengan pedagang yang bersenjata, kata Dr Mahathir.

Sebelum itu, mereka terpaksa bergantung kepada pedagang dari Timur seperti pedagang Cina, India dan Arab untuk bekalan rempah ratus, sutera dan barangan tembikar.

"Pedagang Cina, India dan Arab ini merupakan pedagang tulin. Mereka ini tidak disokong oleh kerajaan mereka dan tidak berhasrat untuk menakluk menggunakan tentera. Malah Laksamana Cheng Ho tidak menggunakan ketenteraan meskipun beliau mempunyai kemampuan tentera yang besar," kata beliau.

Bagaimanapun, kronisme negara Eropah etnik akhirnya menjadikan pedagang mereka meraih monopoli perdagangan dengan negara yang mereka takluki dan jajah.

"Kerjasama erat antara kerajaan dan pedagang mereka menggambarkan kedudukan negara dalam bentuk yang paling ekstrem sedangkan Persyarikatan Jepun dan Persyarikatan Malaysia, tidak membabitkan ancaman dan tindakan ketenteraan," kata beliau.

Beliau berkata keadaan sekarang juga menunjukkan bahawa tindakan ketenteraan semasa Perang Teluk, perang Iraq-Iran dan pencerobohan Iraq secara dasarnya dengan sokongan syarikat minyak yang mahu mengeksploitasikan sumber minyak Kuwait, Iran dan Iraq.

Sebagai bonus, syarikat Amerika mendapat kontrak pembinaan dan bekalan yang besar, hasil daripada tindakan yang dibuat oleh kerajaan mereka.

Dengan demikian, Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia yang berasa malu kerana konsep Persyarikatan Malaysia dan bantuan yang diberikan kepada syarikat Malaysia yang menghadapi kegagalan, perlu berfikir semula.

Dr Mahathir berkata dasar Malaysia bagi kerjasama antara kerajaan dan sektor swasta tidak pernah membabitkan penggunaan kekerasan dan segalanya dilakukan mengikut undang-undang.

Konsep Persyarikatan Malaysia bersandarkan kepada idea bahawa kejayaan syarikat swasta akan memberi faedah bukan hanya kepada usahawan tetapi juga kerajaan dan rakyat.

Beliau berkata apa yang kerajaan Malaysia lakukan bagi membantu syarikat yang bermasalah adalah mengikut peraturan dan dilaksanakan bagi menghalang ancaman ekonomi negara.

Dr Mahathir berkata persyarikatan Malaysia dan penswastaan telah menyediakan peluang untuk mempercepatkan peningkatan kekayaan orang Melayu dan Bumiputera lain, sebagai sebahagian daripada tindakan untuk menangani pengagihan kekayaan yang tidak sama rata di kalangan bangsa-bangsa.

"Apabila kita membayangkan Dasar Ekonomi Baru, kami mahu melihat akhirnya semua bangsa mewakili di semua peringkat tahap ekonomi. Adalah tidak mencukupi untuk menyusun semula hanya di kalangan golongan miskin dan pertengahan dan membiarkan kelas atasan tidak disusun semula, terus dikuasai oleh satu bangsa sahaja," kata beliau.

Hari ini, kata Dr Mahathir, terdapat sejumlah golongan kaya Bumiputera dan terdapat rasa iri hati dan cemburu di kalangan Bumiputera lain terhadap mereka.

Tetapi kemarahan dan cemburu terhadap bukan Bumiputera akan bertambah buruk sekiranya tiada Bumiputera yang kaya untuk mengimbangi bukan Bumiputera yang kaya, katanya.

Perasaan kemarahan di kalangan suku bangsa, kata beliau akan menjadikan negara tidak stabil dan menjadikan pengacau gembira tetapi kerajaan Malaysia bukan dipilih untuk menggembirakan golongan berkenaan tetapi bagi memajukan negara. -- BERNAMA

SHO FR NHD